

06 AUG 2001

Mahathir-Nik Aziz

NIK AZIZ TAK TAHU TINDAK TANDUK ANAKNYA, KATA DR MAHATHIR

LUMUT, 6 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata anak Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana dia merupakan anggota Kumpulan Mujahidin Malaysia yang terlibat dalam gerakan menjatuhkan kerajaan secara kekerasan.

"Setakat mana dia terlibat, belum dapat kita tentukan. Dia ditahan sebab dia anggota Kumpulan Mujahidin Malaysia," katanya pada sidang media di akhir lawatan sehari ke pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia di sini hari ini.

Nik Adli Nik Abdul Aziz, 34, guru Sekolah Agama (Arab) Darul Anuar, Pulau Melaka, Kelantan, ditahan Sabtu lepas di ibu pejabat Polis Kontinjen Kelantan kerana dipercayai terbabit dalam kegiatan KMM yang boleh memudaratkan keselamatan negara.

Perdana Menteri berkata walaupun Nik Aziz berkata bahawa adalah perkara biasa bagi orang Islam berjuang di Afghanistan, Menteri Besar Kelantan itu tidak tahu apa sebenarnya yang dilakukan oleh anaknya.

Ditanya sama ada kerajaan akan mengawasi guru-guru agama pondok yang mungkin terlibat dalam KMM, Dr Mahathir berkata pihak berkuasa perlu melihat pada semua pihak.

"Seorang yang ditahan kononnya penjual kuih. Nampak macam orang biasa yang tidak mungkin melakukan apa-apa kesalahan...rupa-rupanya terlibat dengan kumpulan ini, belajar buat bom, dan letupkan bom," katanya.

Dr Mahathir berkata kegiatan kumpulan itu perlu diawasi segera kerana dahulu jarang berlaku serangan terhadap balai polis untuk merampas senjata, meletupkan bom di tempat-tempat tertentu, merompak bank, malahan seorang Anggota Dewan Undangan Negeri dari Barisan Nasional ditembak mati.

Perdana Menteri menafikan dakwaan pembangkang kononnya penahanan beberapa orang mengikut ISA bermotifkan politik.

"Kalau cerita politik, Nik Aziz, Hadi Awang, Lim Kit Siang, Fadzil Nor, kesemuanya kepala (pemimpin) besar, dah kita tangkap. Tetapi kita tak tangkap kerana (mereka) tidak kacau, kalau ada tunjuk bukti kacau, kita tangkap juga," katanya.

Mengenai penglibatan anggota-anggota tentera dalam kegiatan jenayah, Dr Mahathir berkata ia mungkin berlaku kerana mereka terdedah kepada hasutan dan keghairahan mencari kekayaan dan berdasarkan kebolehan menggunakan senjata.

"Tapi kita bersyukur kerana ada ibu bapa yang sanggup memujuk anak mereka menyerah diri. Ini satu sikap dan tanggungjawab yang kita hargai.

-- BERNAMA

AR MAI